

Konsepsi Pelajar Terhadap Pembacaan Dalam Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua

Kemboja Ismail
oja@ukm.my

Noorizah Mohd Noor
izah@ukm.my

Faculty of Social Sciences and Humanities
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Sejak kebelakangan ini, kajian yang bertumpu kepada konsepsi pelajar terhadap pembelajaran amatlah giat dijalankan. Dua pandangan utama telah terhasil daripada kajian ini; pandangan pertama berkait dengan pemahaman permukaan yang merangkumi penyimpanan maklumat, penghasilan semula ilmu dan penambahannya, manakala pandangan kedua meliputi konstruksi makna dan perubahan pemahaman secara peribadi. Kajian-kajian berkaitan yang lain juga mendapati pandangan yang sama dengan dua pandangan di atas. Bagaimanapun, kajian-kajian tersebut tidak menunjukkan wujudnya kesepakatan pandangan dalam memahami makna sebenar konsepsi pelajar terhadap pembelajaran. Ini disebabkan oleh wujudnya kepelbagaiannya cara pembelajaran yang telah menghasilkan kepelbagaiannya konsepsi pembelajaran. Justru, kajian ini akan mengutarakan hasil dapatan yang dijalankan ke atas sekumpulan pelajar ‘Limited English Proficiency’ (LEP) di sebuah institusi pengajian tinggi awam terhadap konsepsi pembacaan dalam konteks pembacaan dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Menerusi soalan terbuka dan tinjauan, dapatan menunjukkan terdapat persamaan dan juga perbezaan kualitatif pada konsepsi pembelajaran pelajar LEP. Seterusnya, implikasi hasil dapatan ke atas pengajaran dan pembelajaran pembacaan dalam bahasa kedua juga akan dibincangkan.

Katakunci: konsepsi, pembacaan, bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, pelajar LEP.

Learners’ Conceptions of Reading in English as a Second Language

Abstract

In recent years, there has been a substantial amount of research focusing on students’ conceptions of learning. Two predominant positions have been categorized to reflect these conceptions. The first conception reflects a surface understanding of learning which

includes storing, reproducing and increasing of knowledge On the other hand, a deep understanding of learning include construction of meaning and personal change. Numerous studies carried out have shown similar positions prevalent to different contexts of learning. However, these findings cannot apply a universality of meanings since different types of learning produce different conceptions of learning. Hence, the paper highlights findings from a study involving LEP learners in a higher institution and investigate further their conceptions of reading within an ESL reading context. The findings from open-ended questions and a survey reveal qualitative similarities and differences in these LEP learners' conceptions of reading. In addition, the paper further discusses the implications of the findings and some pedagogical considerations for the teaching and learning of reading within an ESL context.

Keywords: conception, reading in ESL, LEP learners.

Pendahuluan

Membaca dianggap sebagai kemahiran akademik yang terpenting di kalangan pelajar universiti atau konteks pembelajaran. Melalui bacaan, para pelajar mendapat maklumat terkini dan boleh mensintasis dan menilai ilmu yang dipelajari. Interaksi dengan teks melibatkan pembaca bertindak dan meneka maklumat yang diterima dan melibatkan juga faktor-faktor sosiokognitif seperti strategi membaca, metakognitif, pengalaman lampau membaca dan laterbelakang budaya.

Dalam konteks Malaysia, para pelajar pengajian tinggi didapati tidak bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran membaca dalam disiplin masing-masing. Kekurangan ini dianggap sebagai satu natijah sistem pembelajaran yang terlalu menitikberatkan gred atau markah yang tinggi. Ramaiah (1997) berpendapat rata-rata masyarakat Malaysia menganggap bacaan sebagai sesuatu yang boleh diambil mudah dan penekanan adalah lebih kepada hasil, dan bukannya proses. Ramaiah dan Nambiar (1993) dalam kajian mereka ke atas pelajar universiti yang mengambil jurusan ESL (English as a Second Language) mendapati pelajar tidak dapat memahami keseluruhan teks yang dibaca. Mereka mendapati pelajar memahami teks secara ceraian dengan mengambil maksud sebahagian daripada teks sahaja, iaitu bahagian yang boleh difahami. Cara memahami bacaan sebegini dibawa oleh pelajar apabila mereka memasuki universiti dan nyata cara ini menyebabkan mereka berhadapan dengan masalah dalam bacaan terutamanya apabila mereka membaca tugas bacaan terutamanya tugas yang memerlukan mereka memberi pandangan kritis dan menilai teks.

Walaupun ada beberapa kajian yang melihat kepada pendekatan pelajar dalam memahami teks (contohnya Brown et al, 1986; Faizah, Zalizan dan Norzaini, 2002), namun tidak banyak kajian dibuat ke atas konsepsi atau kefahaman pelajar terhadap bacaan. Oleh yang demikian, kertaskerja ini akan membincangkan tentang kajian awal yang dibuat ke atas pelajar bagi menerangkan konsepsi pelajar LEP terhadap bacaan dari perspektif fenomenografikal.

Konsepsi Pembelajaran

Sejak kebelakangan ini, dalam konteks pembelajaran, metodologi penyelidikan kuantitatif dan kualitatif banyak membina ilmu dan teori tentang apa dan bagaimana pelajar belajar di peringkat pengajian tinggi (Ramsden, 1992). Kajian menarik yang dijalankan oleh Saljo (1984) dan Marton dan Booth (1997) menerangkan pembelajaran akademik dari pengalaman atau fenomenografikal. Pelajar menerangkan pengalaman peristiwa akademik mereka (Schmeck, 1988). Mengikut Biggs dan Moore (1993), perspektif ini menunjukkan pelajar mempamerkan pelbagai interpretasi mereka terhadap pengalaman pembelajaran mereka dan peristiwa pengalaman ini di kenali sebagai kosepsi pembelajaran. Konsepsi ini berserta dengan orientasi pelajar atau sebab untuk belajar (Beatty et al., 1997) telah banyak mempengaruhi pendekatan pelajar terhadap tugas pembelajaran.

Kajian awal iaitu pada tahun 1974, melihat bagaimana pelajar belajar (Marton & Saljo, 1984), iaitu bagaimana pelajar mengaitkan cara menangani pembelajaran dan konsepsi mereka terhadap pembelajaran. Respon pelajar menunjukkan ada hubungkait antara bagaimana mereka membina pemahaman mereka dan keadaan persekitaran yang berlakunya pembelajaran. Dalam kajian lain, Saljo (1984) mengenalpasti lima konsepsi kualitatif pembelajaran yang berbeza tetapi berkaitan secara hirarki. Konstruk ini dibuat hasil dari kajiannya yang awal iaitu setelah menganalisis respon pelajar tentang kefahaman mereka terhadap pembelajaran mereka. Konsepsi pelajar tentang pembelajaran adalah: 1) mendapat maklumat atau mengetahui dengan banyak (bertambah secara kuantitatif), 2) menyimpan maklumat yang boleh diguna semula (hafazan), 3) mendapat fakta, kemahiran dan kaedah yang boleh disimpan dan diguna bila ada keperluan, 4) menghubungkait isi kandungan yang dipelajari dengan dunia sebenar (interpretasi atau membuat kesimpulan terhadap makna) dan 5) memahami dunia melalui interpretasi ilmu dan memahami realiti dengan cara berbeza).

Kajian lain oleh Marton et al (1993) pula menunjukkan enam konsepsi berbeza tentang pembelajaran dan pelajar mengenalpasti pembelajaran sebagai memahami dunia dengan cara berlainan, konsepsi mereka turut berubah dengan perubahan ini. Konsepsi pertama hingga ketiga menunjukkan pembelajaran yang melibatkan pemprosesan kognitif peringkat awal atau pembelajaran kuantitatif seperti hafalan tubi dan imitasi. Konsepsi keempat hingga keenam merujuk kepada pembelajaran secara kualitatif yang melibatkan pemperosesan kognitif yang lebih tinggi seperti memahami makna maklumat dan mengaitkannya dengan maklumat baru (Chalmers & Fuller, 1996). Sehubungan ini, Boulton-Lewis (1994) mengulas tentang pemerihalan konsepsi pembelajaran ini sebagai sesuatu yang tidak bergantung kepada struktur organisasi ilmu tetapi sebagai falsafah pelajar tentang pembelajaran. Oleh itu, pelajar yang melihat pembelajaran sebagai penambahan ilmu secara kuantitatif akan mengambil pendekatan permukaan (surface) dan pelajar yang memahami pembelajaran sebagai proses interpretif bertujuan memahami realiti akan terlibat lebih dengan pendekatan mendalam (deep) dalam proses pembelajaran dan mendapat lebih manfaat dengan cara ini (Gordon et al, 1998).

Kajian tentang konsepsi pembelajaran juga menunjukkan penggantungan pembelajaran

terhadap konteks dan budaya. Eklund-Myrskog (1997) dalam kajian kualitatifnya menerusi pendekatan fenomenografi, menyelidiki konsepsi pelajar dalam dua konteks pendidikan yang berbeza. Pertama ialah pendidikan kejururawatan dan kedua, pendidikan mekanik kereta. Analisis daripada transkrip temubual menunjukkan terdapat konsepsi kualitatif yang serupa dan berbeza di kalangan pelajar. Sebagai contoh, dalam konteks kejururawatan, hampir 70% pelajar pada peringkat awal pembelajaran mereka berpegang kepada pembelajaran kualitatif dan pada akhir pembelajaran, peratusnya meningkat kepada 82%. Dalam konteks pelajar mekanik kereta pula, pada awal pembelajaran mereka, 70% pada awal pembelajaran mereka melihat pembelajaran sebagai hafazan atau aplikasi dan di akhir pembelajaran, 50% berpandangan sedemikian. Perbezaan antara kedua kumpulan ini boleh dilihat sebagai satu lompatan kognitif atau perubahan kognitif pembelajaran daripada kuantitatif kepada kualitatif. Sementara konteks pembelajaran mereka menunjukkan pelajar telah mengenalpasti pembelajaran bukan sahaja mengingati ilmu atau mengaplikasi ilmu tetapi yang terpenting ialah menghubungkan pembelajaran dengan kefahaman.

Dalam kajian bergantung kepada budaya pula, kajian Dahlin dan Regmi (1997) yang melibatkan pelajar dari Nepal mendapati tidak semua konsepsi pelajar ini serupa dengan konsepsi pelajar negara barat terutamanya konsepsi tentang pembelajaran sebagai hafazan dan penghasilan semula. Mereka mendapati pelajar dari Nepal bergantung kepada hafazan bagi melengkapi kefahaman. Marton et al (1995) membuat kajian yang serupa ke atas pelajar Hong Kong dan mendapati ada kaitan antara pembelajaran berpaksikan hafazan dan kefahaman. Mereka memerihalkan hubungan ini dari tiga perspektif iaitu fungsian iaitu pembelajaran hafazan dilihat sebagai pra-kefahaman atau selari dengan kefahaman, struktural iaitu ada kaitan antara kategori berbeza dengan pengalaman pembelajaran mereka menyebabkan mereka menyamakan pembelajaran hafazan dengan kefahaman dan akhir sekali, penekanan fokal, di mana pelajar terdorong untuk merubah penekanan mereka daripada pembelajaran hafazan kepada kefahaman melalui konteks pendidikan.

Kember (1996) berpandangan pelajar Asia mengamalkan pembelajaran hafazan menyebabkan mereka bertanggapan menggunakan pendekatan permukaan. Bagaimanapun, mereka sebenarnya tidak menggunakan pendekatan permukaan kerana tujuan mereka membaca adalah untuk kefahaman bukan setakat menghafal. Oleh yang demikian, pelajar Asia melihat pembelajaran hafazan sebagai membina makna dan mengembang kefahaman (Marton, Watkins & Tang, 1995; Kember & Gow, 1994).

Dapatkan kajian di atas menekankan bahawa mengenalpasti dan memahami konsepsi pembelajaran pelajar adalah penting kerana konsep unik ini berkait rapat dengan pendekatan kualitatif terhadap pembelajaran. Tambahan lagi, konsepsi ‘baru dan komplek’ digunakan untuk menunjukkan hubungkait antara tujuan pembelajaran (Boulton-Lewis, 1994; Marton et al., 1993). Berdasarkan pandangan ini, kajian ini mengkaji konsepsi pembacaan sekumpulan pelajar LEP dengan menerangkan tentang fahaman mereka mengenai apa yang berlaku ketika proses pembacaan. Sepanjang pengajian mereka di universiti, kebolehan membaca secara efektif adalah kemahiran yang amat penting untuk memahami maksud yang disampaikan melalui teks bacaan. Pelajar-

pelajar ini membaca teks yang pelbagai untuk tujuan dan tugas yang berlainan. Ini menjadikan proses pembacaan itu lebih bermakna (Barchers, 1998). Walaupun sesuatu pembacaan itu berasaskan bahasa, ianya juga adalah satu pengalaman, dan inilah aspek pembacaan yang ingin diterokai oleh pengkaji. Oleh yang demikian, melalui penggunaan fenomenografikal (seperti yang dibincangkan di bawah), pengkaji cuba menerangkan variasi konsepsi pembacaan yang ditunjukkan oleh sekumpulan pelajar LEP.

Kerangka Teoretikal Kajian

Istilah fenomenografikal berasal dari bahasa Greek yang membawa maksud wajah dan pemerihalan. Istilah ini muncul pada awalnya dalam penulisan seminal Marton (1981). Ia adalah satu pendekatan penyelidikan kualitatif yang bersifat empirikal, menjurus kepada bagaimana umum memahami atau mengalami aspek kehidupan mereka. Pendekatan fenomenografi menyelidik dan memerihal perbezaan ini dan mengkategorikannya bagi menghasilkan kategori pemerihalan/penerangan.

Bertujuan menerangkan lebih lanjut tentang fenomena pengalaman dan perubahan dibawa oleh pembelajaran, Marton dan Booth (1997) menggunakan ‘struktur kesedaran’ (structure of awareness) yang diusul oleh Gurwitsch (1964). Teori ini mencadangkan kesedaran terdiri daripada tiga bahagian yang bertindan iaitu margin (margin), tema bidang (theme field) dan tema (theme). Aspek yang tidak berkaitan dengan dunia mereka akan berada dalam bahagian margin. Manakala, aspek yang berkaitan dengan dunia mereka berada dalam tema bidang dan kesedaran yang berfokus berada dalam tema. Oleh yang demikian, mengalami fenomena menyeluruh melibatkan individu memahami dan menyedari beberapa aspek yang terkandung dalam tema secara terus dan aspek yang terkandung dalam margin diketepikan. Dalam konteks pembelajaran, konsep ini boleh dilihat dari sudut bagaimana struktur kesedaran berubah mengikut cara kefahaman yang berbeza. Konteks fenomena yang berlaku akan menentukan aspek yang menjadi fokus. Oleh yang demikian, konteks berbeza bererti bidang tema dan tema pun berbeza.

Seperti juga pembacaan dalam bahasa kedua, bagaimana seseorang individu itu melalui pengalaman membaca juga dipengaruhi oleh beberapa angkubah seperti skema, strategi pembacaan, kosa kata, motivasi dan juga pengalaman lepas. Oleh itu, dengan menggunakan kepekaan struktur yang sebut awal tadi, pengkaji akan mengenalpasti aspek atau tema pembacaan yang difokus oleh pelajar LEP.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menyelidik dan menerangkan konsepsi pelajar LEP terhadap pembacaan. Walaupun struktur konsepsi ini telah dibincangkan dalam konteks lain sebelum ini, namun tidak banyak yang diketahui tentang pembacaan dalam bahasa kedua dan juga pelajar LEP. Oleh itu, kajian ini akan menyumbang dalam memahami apa yang terlibat ketika proses pembacaan.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Memerihal konsepsi pelajar LEP tentang pembacaan dan
- ii. Mengenalpasti kepelbagaian konsepsi pembacaan

Kaedah Kajian

Sampel Kajian

Kajian awal ini berdasarkan kajian bilik darjah yang melihat kepada sampel responden seramai 20 orang iaitu satu kumpulan atau set kursus. Mereka adalah pelajar tahun satu semester dua Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan yang mengambil kursus SKPD 1103 iaitu *Introduction to Academic Reading in English* yang merupakan kursus wajib fakulti. Kursus ini wajib bagi mereka kerana mereka mendapat *band 1* dan *band 2* dalam ujian kemasukan ke universiti atau lebih dikenali sebagai MUET. Dalam sampel ini, 90% mendapat *band 1* dalam ujian MUET mereka, iaitu seramai 21 orang. Responden terdiri daripada 16 pelajar perempuan dan 5 pelajar lelaki. Kesemuannya adalah pelajar Melayu dan telah menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia sebelum diterima masuk ke Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sebelum mengambil kursus ini, mereka telahpun mengambil kursus wajib pertama fakulti iaitu SKPD1003 atau *English for Self-Development* yang bertujuan untuk memberi pendedahan awal bahasa Inggeris kepada mereka. Sampel ini telah menjalani kursus ini selama 2 kali seminggu, sebanyak 4 jam seminggu bagi jangkamasa selama 14 minggu. Mereka merupakan sample purposif untuk memberi maklumat tentang pengalaman pembelajaran mereka. Kursus SKPD 1103 adalah kursus bacaan yang menggunakan buku teks bertajuk *ACTIVE: Skills for Reading, Book 1* yang ditulis oleh Neil Anderson.

Prosedur Pengumpulan Data

Alat kajian utama terdiri daripada soalselidik yang menggunakan soalan tinjauan Anderson (1999, 2007). Soalan tinjauan ini terbahagi kepada dua bahagian, bahagian pertama adalah soalan terbuka dan bahagian kedua adalah soalan tinjauan. Soalan terbuka temubual terdiri dua soalan utama yang melihat kepada konsepsi pelajar adalah 1) *What do you understand by reading?* dan 2) *What benefits do you gain from reading?* Soalan di atas dibentuk berdasarkan kajian lepas yang dilakukan mengenai konsepsi pembelajaran tetapi dalam konteks kajian ini, fokusnya adalah bacaan dalam bahasa kedua. Soalan-soalan ditulis agar responden berpeluang meluahkan buah fikiran dan perasaan dalam bentuk tulisan. Ini bertepatan dengan kajian fenomenografi yang bertujuan untuk memahami pengalaman yang dilalui oleh responden. Prosedur yang digunakan untuk menganalisis sampel penulisan melibatkan analisis kandungan. Analisis kandungan dijalankan dengan menonjolkan kenyataan atau jawapan yang substantif dan juga dengan mengenalpasti tema utama yang relevan pada kajian yang diberikan oleh responden.

Manakala soalan soalselidik terdiri daripada 10 soalan iaitu:

1. *Do you enjoy reading in your native language? Yes or No.*
2. *How much time do you spend each day reading in your native language?*
3. *What types of material do you read in your native language?*
4. *Why do you read these materials?*
5. *Do you enjoy reading in English?*
6. *How much time do you spend each day reading in English?*
7. *What types of material do you read in English?*
8. *Why do you read these materials?*
9. *Assess your reading. Circle one of the two choices for each of the reading areas below.*

<i>a. speed</i>	<i>fast</i>	<i>slow</i>
<i>b. comprehension</i>	<i>good</i>	<i>not so good</i>
<i>c. vocabulary</i>	<i>good</i>	<i>not so good</i>
<i>d. use of reading skills</i>	<i>good</i>	<i>not so good</i>

10. *Which of the areas above would you like most to improve?* _____

Soalan tinjauan didapati sebagai alat yang paling sesuai jika dilihat dari sudut sumber dan masa yang ada untuk tujuan kajian ini. Ianya digunakan untuk mendapat maklumat dari responden untuk menyokong dapatan dari soalan terbuka. Dalam konteks kami, soalan tinjauan dianggap sesuai untuk mengumpul data kerana ianya senang untuk mendapat maklumat dari responden, mengurangkan keberpihakan penemuduga, soalan yang tidak berpihakan kerana semua responden menjawab soalan yang sama dan akhir sekali menyediakan data untuk kajian ini.

Analisis

Analisis data menggunakan kaedah fenomenografi yang digariskan oleh Marton dan rakan-rakan (Marton, 1981; 1988; 1997). Kaedah ini terdiri daripada tiga fasa. Fasa pertama ialah membaca respons beberapa kali, tujuannya ialah untuk meneliti respons supaya kategori pemerihalan dapat dikenalpasti. Melalui pembacaan yang teliti terhadap jawapan yang diberikan, pengkaji akan dapat mengenalpasti dan mengasingkan kenyataan-kenyataan seperti yang telah digariskan oleh persoalan kajian. Tambahan, pengasingan kenyataan kepada set yang berasingan akan membolehkan pengkaji mengatur data selain dapat memberi pengakuan bahawa segala variasi telah diambilkira. Fasa kedua pula melihat kepada setiap set dan sub-set kepada respons dibaca beberapa kali bagi membentuk asas kepada persamaan konsepsi pengalaman responden. Di sini, pengertian utama akan diambil daripada respons tadi bagi mendapat kategori konsepsi responden. Fasa terakhir melibatkan maksud yang mendalam yang tersirat secara keseluruhan. Perhatian diberi kepada petikan-petikan yang menunjukkan kaitan dengan variasi konsepsi yang timbul.

Dapatan Kajian untuk Soalan Terbuka

Soalan-soalan terbuka dan soalan tinjauan dirangka berdasarkan konstruk konsepsi iaitu melihat kepada pengalaman dunia responden. Soalan terbuka dibina berdasarkan kepada soalan aplikasi yang bercirikan fenomenografi iaitu pengalaman dunia kehidupan responden.

Soalan terbuka iaitu *What do you understand by reading?* memperlihatkan kategori seperti di bawah:

1. Membaca sesuatu
2. Perbuatan untuk mencari ilmu (maklumat) dan memahami sesuatu
3. Sesuatu yang boleh memanfaatkan pembaca dengan ilmu
4. Untuk memperbaiki/menambah ilmu
5. Sesuatu yang penting dalam kehidupan
6. Proses pembelajaran untuk mempelajari bahasa

Kategori konsepsi di atas boleh dibahagikan kepada konsepsi permukaan dan konsepsi mendalam. Konsepsi permukaan adalah kategori 1: “Membaca sesuatu”; kategori 4: “Untuk memperbaiki/menambah ilmu; dan kategori 5: “sesuatu yang penting dalam kehidupan”. Konsepsi mendalam adalah kategori 2: “Perbuatan untuk mencari ilmu (maklumat) dan memahami sesuatu”; kategori 3: “Sesuatu yang boleh memanfaatkan pembaca dengan ilmu”; dan kategori 6: “Proses pembelajaran untuk mempelajari bahasa.”

Contoh kefahaman yang diberi oleh responden adalah seperti berikut:

- I. Konsepsi permukaan
 - i) Kategori 1: “Membaca sesuatu”

Read something like books, magazines, newspapers
Read articles, book, magazines or anything
Read something interesting
 - ii) Kategori 4: “Untuk memperbaiki /menambah ilmu”. Contoh kefahaman yang diberi adalah:

“Semakin banyak kita membaca semakin bertambah ilmu yang akan diperolehi”
“Untuk memperbaiki English, to read novels”
To express thinking
Sharpen the mind
 - iii) Kategori 5: “Sesuatu yang penting dalam kehidupan”. Contoh kefahaman yang diberi adalah:

“Menjadi masyarakat membaca”
“Amalan dalam kehidupan seharian”
“Pelajar kemahiran”
- II. Konsepsi mendalam
 - i) Kategori 2: “Perbuatan untuk mencari ilmu (maklumat) dan memahami sesuatu”. Contoh kefahaman ini adalah

- “Melalui tugas dan kerja projek”
- “Aktiviti membaca menggunakan pancaindera seperti mata dan mulut untuk meningkatkan lagi kesan pemahaman”
- “Mencatat sesuatu yang baru amat baik untuk dijadikan sebagai rujukan”
- ii) Kategori 3: “Sesuatu yang boleh memanfaatkan pembaca dengan ilmu”
Trying to understand something and we can learn from it
Read story and feel happy
Know about other people and world
- iii) Kategori 6: “Proses pembelajaran untuk mempelajari bahasa.”
Learn pronunciation, and we can get new words and vocabulary
“Perbaiki sebutan”
Improve writing skills, how to write good essays, help to add vocabulary

Soalan kedua: *What benefits do you gain from reading?*

Hampir keseluruhan berpendapat membaca dapat memberi faedah berikut:

1. Menambah ilmu
2. Mendalami ilmu
3. Mempengaruhi minda pembaca, *From reading, we can open our mind to know a lot of new and old issue*
4. Pergi ke perpustakaan dan melayari Internet
5. Menaikkan taraf pendidikan
6. Meningkatkan cara berfikir

Dapatan Soalan Tinjauan

Soalan tinjauan menggunakan soalan Anderson (1999, 2007) bertujuan untuk mendapat konsepsi kefahaman pelajar secara umum. Semua pelajar bersetuju bahawa membaca dalam bahasa natif atau bahasa Malaysia adalah menyeronokkan. Mereka meluangkan purata 6 jam sehari membaca dalam bahasa Malaysia. Bahan-bahan yang paling banyak dan kerap dibaca terdiri daripada suratkhabar, majalah dan novel. Mereka membacanya kerana ia menyeronokkan. Bagaimanapun apabila ditanya soalan-soalan yang sama tetapi berfokus kepada bahasa Inggeris, mereka memberi jawapan yang nyata berbeza. Soalan kesembilan menghendaki mereka bulatkan bahagian yang perlu dinilai dengan hampir kesemua memilih kefahaman dan kosakata, manakala soalan kesepuluh pula mengkehendaki mereka senaraikan bahagian yang mereka perlu baiki dan mereka memberi respon yang sama iaitu, kefahaman dan kosakata.

Perbincangan

Soalan terbuka dan tinjauan yang digunakan dalam mencari dan mengumpul maklumat kosepsi pelajar terhadap pembacaan secara umumnya menunjukkan kosepsi positif

terhadap pembacaan. Respons pelajar jelas menunjukkan variasi konsepsi mereka, walaupun berbeza tetapi berkait di antara satu sama lain. Mereka cuba memahami apakah konsepsi pembacaan dan konsepsi mereka sama ada konsepsi permukaan atau mendalam menunjukkan kefahaman dan pengalaman dunia mereka.

Kajian ini menunjukkan perbezaan atau variasi konsepsi merupakan sesuatu yang wujud dalam konteks fenomenografi (Marton & Booth, 1997). Perbezaan konsepsi ini boleh dijadikan sesuatu yang berfaedah sekiranya guru dapat menyanggah agar pembelajaran mereka akan lebih bermakna dari segi mendalami konsepsi permukaan ke arah konsepsi mendalam.

Kesimpulan

“Membaca merupakan salah satu cara untuk kita mendapatkan ilmu. Semakin banyak kita membaca, semakin bertambah ilmu kita perolehi. Malah cara bercakap dan cara berfikir seseorang berbeza mengikut apa yang mereka baca. Semasa membaca seseorang itu perlu memahami apa isi yang ingin disampaikan oleh penulis barulah apa yang dimaksudkan dengan ‘membaca’ itu memberi kesan kepada pembaca”.

Petikan di atas jelas menunjukkan konsepsi mendalam seorang pelajar tentang fenomena pembacaan dan kefahamannya. Kepelbagaiannya pentafsiran semasa pembacaan yang dibawa oleh pelajar dalam konteks bilik darjah mampu memberi maklumat berguna tentang pengalaman pembacaan mereka kepada guru. Guru dapat menyesuaikan pengajaran mereka dengan menggunakan pendekatan terbaik bagi mengoptimakan pembelajaran. Pembacaan tidak hanya terhad kepada bacaan teks sahaja, malah kemahiran lain yang berkaitan seperti sebutan, kosakata, penulisan dan ejaan akan juga dititikberatkan.

Dalam maklumbalas penulisan mereka, daptan dengan jelas menunjukan bahawa terdapat variasi atau perbezaan dalam dunia pelajar dalam cubaan mereka untuk memahami bacaan serta maksud bacaan tersebut. Analisis menunjukan terdapat perbezaan atau variasi dalam pengalaman yang dialami oleh pelajar ketika membaca. Selain itu, subjek dalam kajian ini secara amnya meluahkan pandangan yang positif terhadap pembacaan dalam bahasa kedua terutamannya bahasa Inggeris. Walaupun mereka peka tentang pertalian yang positif antara mempelajari bahasa Inggeris dan pembacaan namun ramai masih menghadapi masalah dalam pembacaan mereka. Respon subjek menyokong idea mengenai variasi pengalaman, mengembangkan kepekaan dan pembelajaran yang berfokuskan bagaimana sesuatu fenomena itu dialami oleh orang yang berbeza dalam konteks yang juga berbeza (Marton & Booth, 1997). Persepsi yang berbeza ini, dalam kes ini, pengalaman ‘membaca’, boleh diubahsuai dengan campurtangan dari guru untuk membuat pengalaman membaca lebih berfaedah dan berkesan. Jika cara sesuatu pengalaman membaca telah dikenalpasti sebagai berjaya, pengalaman ini mungkin boleh didunakan sebagai ‘kepekaan pedagogi’ (Marton & Booth, 1997), untuk pelajar yang kurang berjaya.

Rujukan

- Anderson, N. (1999). *Exploring Second Language Reading*. Canada: Heinle & Heinle Publishers
- Anderson, N. (2007). *ACTIVE Skills for Reading: Book 1* (2nd. Ed.). Canada: Thomson.
- Barchers, S. I. (1998). *Teaching Reading from Process to Practice*. California: Wadsworth Publishing Company.
- Beaty, L., Gibbs, G. & Morgan, A. (1997). Learning orientations and Study Contracts. In Marton, F, Hounsell, D. Entwistle, N (eds). *The Experience of Learning* (2nd Ed.) Edinburgh: Scottish Academic Press.
- Biggs, J. B. & Moore, P. J. (1993). *The Process of Learning* (3rd Ed.) Prentice Hall of Australia Pty Ltd.
- Boulton-Lewis, G (1994). Tertiary students' knowledge of their own learning and a SOLO taxonomy. *Higher Education*, 28, 387-402.
- Brown, A.L., Armbruster, B. B. & Baker, L. (1986). The role of metacognition in reading and studying. In J. Orasanu, (Ed.) *Reading Comprehension: From Research to practice*. (49-75). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Chalmers, D & Fuller, R. (1996). *Teaching for Learning at University. Theory and Practice*. London: Kogan Page Ltd.
- Dahlin, B. & Regmi, M. P. (1997) Conceptions of learning among Nepalese Students. *Higher Education*, 33, 471-493.
- Eklund-Myrskorg, G. (1998). The influence of the educational context on student nurses' conceptions of learning and approaches to learning. *British Journal of Educational Psychology*, 67, 371-381.
- Faizah, Abdul Majid, Zalizan, Jelas & Norzaini, Azman. (2002). Selected Malaysian Adult learners' academic reading strategies: A Case Study. Retrieved 20 June 2008 from <http://face.stir.ac.uk/Majidp61.htm>
- Gordon, M., Cantwell, R. H. & Moore, P.J. (1998). *Developing Understanding: International Student Explanation Of How They Learn*. Paper presented at the 1998 Australian Association for Research in Education conference. Adelaide, December, 1998.
- Gurwitsch, A. (1964). *The field of consciousness*. Pittsburg, PA: Duquesne University Press.

- Kember, D. (1996). The intention to both memorize and understand: another approach to learning? *Higher Education*, 31, 341-354.
- Kember, D. & Gow, L (1994). An examination of the Interactive Model of ESL Reading from the perspective of approaches to studying. *RELC Journal*, 25 (1), 1-25 June.
- Marton, F. (1981). Phenomenography – describing conceptions of the world around us. *Instructional Science*, 10, 177-200.
- Marton, F. & Saljo, R. (1984). Approaches to Learning. In Marton et al (eds.) *The Experience of Learning*. (pp.36-55). Edinburg: Scottish Academic Press.
- Marton, F., Dall' Alba, G. & Beaty, E. (1993). Conceptions of Learning. *International Journal of Educational Research*, 19, 277-300.
- Marton, F., Watkins, D. & Tang, C. (1995). Discontinuities and Continuities in the Experience of Learning: An interview study of high-school students in Hong Kong. *Learning and Instruction*, v.1, 21-48.
- Marton, F & Booth, S (1997). *Learning and Awareness*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Ramaiah, Mullai Arunachalam (1997). *Reciprocal teaching in enhancing the reading ability of ESL students at the tertiary level*. Unpublished PhD Dissertation. University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Ramaiah, Mullai Arunachalam & Mohana Nambiar (1993). Do undergraduates understand what they read – An investigation into the comprehension monitoring of ESL students through the use of textual anomalies. *Jurnal Pendidikan*, Jilid 15, 95-106.
- Ramsden, P. (1992). *Learning and Teaching in Higher Education*. London: Routledge.
- Saljo, R. (1984). Learning from Reading. In Marton, F., Hounsell, D. & Entwistle, N. (eds.). *The Experience of Learning*. Edinburgh: Scottish Academic Press.
- Schmeck, R. R. (1988). *Learning Strategies and Learning Styles*. New York: Plenum

Penulis

Kemboja Ismail telah berkhidmat di UKM selama 20 tahun. Beliau adalah pensyarah dari Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik dan mempunyai pengalaman mengajar kursus kemahiran dan juga kursus khusus kepada pelajar-pelajar pusat dan juga fakulti. Bidang tujuan penyelidikan beliau merangkumi penggunaan portfolio untuk pembelajaran dan penilaian, e-portfolio, pembacaan dan penulisan ke atas pelajar-pelajar kemahiran dan Bahasa Inggeris untuk tujuan khusus (ESP).

Dr. Noorizah Mohd. Noor berkhidmat sebagai pensyarah di Pengajian Pusat Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau meminati bidang pembacaan dalam ESL, pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Inggeris terutamanya dikalangan pelajar yang lemah penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.